



NOTIS NO. 04/2025

NOTIS MENGENAI INISIATIF *INACTIVE COMPANIES STRIKE-OFF*

Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN), Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan kepada syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat (Penggagal 39) bahawa ROCBN akan melaksanakan **Inisiatif *Inactive Companies Strike-Off***. Tujuan utama inisiatif ini adalah untuk memotong syarikat-syarikat berdaftar yang tidak aktif daripada daftar di bawah Bab 287A, Akta Syarikat (Penggagal 39).

Berdasarkan peruntukan Bab 111, Akta Syarikat (Penggagal 39), setiap syarikat yang berdaftar adalah dikehendaki untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan. Bab 107 dan 108 Akta tersebut juga menghendaki setiap syarikat yang berdaftar untuk menghadapkan Penyata Tahunan (*Annual Returns*) yang terkini kepada ROCBN. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan tersebut adalah satu kesalahan dari segi undang-undang. Mengambil kira syarikat-syarikat berkenaan tidak menghadapkan Penyata Tahunan yang terkini, maka ROCBN mempunyai sebab yang munasabah (*reasonable cause*) untuk mempercayai bahawa syarikat-syarikat tersebut tidak lagi menjalankan perniagaan ataupun tidak lagi beroperasi. Oleh yang demikian, di bawah Bab 287A(1) Akta Syarikat (Penggagal 39), Pendaftar mempunyai kuasa untuk memotong pendaftaran syarikat-syarikat berkenaan dari daftar.

Inisiatif tersebut akan bermula pada 1hb., November 2025 di mana ROCBN akan menghantar surat kepada syarikat-syarikat yang telah dikenalpasti bagi memberikan peluang kepada syarikat-syarikat berkenaan untuk menghadapkan maklum balas melalui persuratan secara rasmi. Berpandukan Bab 287A(1), Akta Syarikat (Penggagal 39), jika sekiranya tiada maklum balas diterima dalam tempoh masa **30 hari** daripada tarikh surat pertama dikeluarkan, maka notis pertama akan diterbitkan di dalam Warta Kerajaan dengan tujuan untuk memotong nama syarikat berkenaan daripada daftar. Syarikat-syarikat yang berhasrat untuk mengekalkan status pendaftaran adalah dinasihatkan untuk menghadapkan maklum balas secara rasmi kepada pihak ROCBN. Garis panduan bagi tujuan pematuhan akan disertakan bersama surat yang akan dikeluarkan oleh ROCBN.

Pihak ROCBN ingin memberi peringatan kepada kesemua syarikat-syarikat yang berdaftar mengenai kepentingan dalam mengekalkan pematuhan syarikat terhadap keperluan undang-undang dan peraturan di bawah Akta Syarikat (Penggagal 39).

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Bahagian ROCBN sama ada melalui emel enforcement.rocbn@mofe.gov.bn atau melalui telefon di talian **+673 2380505 / +673 2380662 / +673 7471433**.



Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Tarikh: 1^{hb} Oktober 2025